

## Murid buta raih Anugerah Nilam

KUALA LUMPUR 27 April – Kemampuan Kong Meng Fatt, 11, membaca lebih 80 judul buku dalam tempoh setahun amat menakjubkan terutama apabila terpaksa menggunakan Braille berikutan masalah penglihatan yang dialaminya sejak kecil.

Selepas menguasai kaedah membaca menggunakan Braille dalam tempoh tiga bulan semasa di tahun empat persekolahan, Meng Fatt bersangat meneruskan minat membaca sehingga dipilih sebagai penerima Anugerah Nilam Kebangsaan 2018 (Kategori Kurang Upaya Penglihatan Lelaki) dalam majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Murid Sekolah Pendidikan Khas Jalan Batu itu yang mengalami cacat penglihatan kategori B1 (buta) sejak berusia setahun, mendapat dorongan ibu, bapa dan guru selepas menunjukkan minat membaca sejak berusia lapan tahun.

"Sejak berusia lapan tahun, saya sudah minat membaca, hasil tunjuk ajar ibu bapa dan guru yang tidak putus-putus memberikan dorongan.

"Walaupun cacat pengliha-

tan, namun saya masih mahu membaca meskipun mengambil masa yang lama kerana banyak ilmu dapat diperoleh menerusi pembacaan," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin.

Yang turut hadir Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan, Zaidi Yazid dan Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Abd. Wahab Ibrahim.

Selain Meng Fatt, lima murid pendidikan khas turut menerima anugerah dalam majlis tersebut iaitu Saw Xin En (Kurang Upaya Penglihatan Perempuan), Ahmad Syamil Adzwan Syamsul Adzrol (Kurang Upaya Pendengaran Lelaki) dan Chua Pei Wen (Kurang Upaya Pendengaran Perempuan).

Selain itu, Muhammad Nabil Aimi Adresih dan Nurul Saadah Hafni Che Husin masing-masing menerima anugerah yang sama dalam kategori Masalah Pembelajaran Lelaki dan Perempuan.

Hasil kejayaan tersebut melayakkan mereka menerima hadiah RM500, tablet, sijil dan cenderamata.



KONG MENG FATT (kanan) bersama Saw Xin En dalam majlis penyampaian Anugerah Nilam Peringkat Kebangsaan 2018 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. –UTUSAN/AHMAD MUZAMMIL HAFLAN